



Sebahagian daripada warga FPSK UPM yang menjayakan program UPM Young Doctors Day 2016.

# Kenali dunia perubatan

» **UPM pupuk kesedaran murid mengenai penjagaan kesihatan**

Oleh Zamzarina Ahmad Bajari  
upen@bh.com.my

■ Serdang

Jabatan Patologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Putra Malaysia (UPM), buat julung kali menganjurkan program UPM Young Doctors Day 2016 bagi memupuk kesedaran penjagaan kesihatan dan amalan gaya hidup sehat kepada pelajar sekolah.

Timbalan Dekan Siswazah, Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Industri dan Masyarakat FPSK, Prof Dr Amin Ismail, berkata program itu bertujuan untuk memperkuatkan kerjasama strategik universiti bersama-sama pelajar dan masyarakat menerusi program berteraskan kesihatan.

“Selain memberi nilai tambah kepada pembangunan kesihatan masyarakat, program turut bertujuan mencari penyelesaian kepada permasalahan kesihatan semasa negara serta usaha mentransformasi masyarakat sihat.

## Modul interaktif

“Pelbagai modul interaktif yang menarik dan bersesuaian dengan murid sekolah rendah dibangunkan fasilitator program bagi memastikan matlamat yang disasarkan dapat dicapai,” katanya.

pada program berkenaan yang diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Serdang, di sini, baru-baru ini.

Program bertema Fever: Friend or Foe itu mendapat kerjasama Kelab Doktor Muda SK Sri Serdang, diterajui Ketua Jabatan Patologi, FPSK, Prof Madya Dr Norhafizah Mohtarrudin.

Beliau turut dibantu sembilan pensyarah, 21 staf sokongan dan 12 siswazah bagi mengendalikan modul aktiviti yang kreatif dan inovatif, membabitkan 180 murid Tahun Lima bagi meneroka lebih dekat dunia perubatan dan kesihatan.

## Sekolah angkat

“Kami berhasrat untuk menjadi SK Sri Serdang sebagai sekolah angkat FPSK. Perancangan akan dilakukan bagi mencapai matlamat



Dr Norhafizah mengendalikan sesi modul suhu badan manusia.

dan memastikan kerjasama berterusan antara UPM dan pihak sekolah.

“Antara modul aktiviti yang dilaksanakan itu ialah mengenai peranan doktor, sistem pertahanan badan, demam dan punca-punca, mengetahui suhu badan manusia, fakta dan mitos berkaitan demam, serta tip penjagaan

kesihatan,” katanya.

Amin berkata, UPM menyasarkan untuk mengadakan lebih banyak program jaringan industri dan masyarakat yang berimpak tinggi dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan kerjasama antara UPM dan industri, selain merapatkan jurang antara universiti dan masyarakat.